 - (h) Pelanggan boleh memohon penghantaran Komoditi di mana-mana cawangan Alliance Bank dengan memberikan pemberitahuan awal kepada Bank sebelum Bank menjual Komoditi kepada mana-mana pihak ketiga. Setelah menerima permohonan daripada Pelanggan, Bank sebagai ejen Pelanggan akan membuat pengaturan bagi penghantaran Komoditi bagi pihak Pelanggan. Penghantaran Komoditi akan dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh penyedia

perkhidmatan dagangan komoditi yang dilantik oleh Bank. Yuran proses penghantaran dan semua caj penghantaran lain yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan dagangan komoditi hendaklah ditanggung oleh Pelanggan. Setelah menerima penghantaran Komoditi tersebut, Pelanggan hendaklah membuat bayaran untuk Harga Jualan kepada Bank secara tangguh, dan Bank akan dilepaskan daripada semua liabiliti selanjutnya yang berkaitan dengan Perjanjian Agensi dengan serta-merta, termasuk kewajipan Bank untuk menjual Komoditi kepada penyedia perkhidmatan dagangan komoditi. Tidak akan ada sebarang pengeluaran pembiayaan kepada pelanggan apabila pelanggan menerima penghantaran aset tersebut. Pengeluaran akan dibuat oleh Bank kepada penyedia perkhidmatan dagangan komoditi sebagai bayaran untuk Komoditi. Sekiranya perdagangan komoditi dilaksanakan oleh Bank melalui pengaturan “ejen dua hala” secara pemprosesan terus, atas permintaan pelanggan dibenarkan untuk mendapatkan pemilikan Komoditi dengan syarat Bank masih belum menjual Komoditi kepada mana-mana pihak ketiga.

- (i) Sekiranya terdapat kecacatan pada Komoditi sebelum penjualan oleh Bank dan kecacatan tersebut hanya ditemui selepas pelaksanaan kontrak jual beli, Pelanggan berhak untuk menuntut *khiyar al-`ayb* (opsyen kecacatan), di mana Pelanggan berhak untuk:
 - (i) membatalkan kontrak jual beli tersebut;
 - (ii) meminda terma kontrak jual beli dengan persetujuan bersama antara pihak-pihak yang terlibat; atau
 - (iii) meneruskan kontrak jual beli tersebut berdasarkan keadaan “seadanya”.

Sebarang kecacatan pada Komoditi yang ditemui dan dipersetujui oleh Pelanggan pada masa pemeteraian setiap kontrak jual beli akan menyebabkan Pelanggan kehilangan kelayakan untuk menuntut opsyen kecacatan. Bank dan Pelanggan boleh bersetuju secara bersama untuk membebaskan Bank daripada sebarang liabiliti ke atas kecacatan pada aset sebelum pemeteraian kontrak jual beli. Pelanggan juga boleh bersetuju untuk melepaskan liabiliti Bank ke atas sebarang kecacatan pada Komoditi yang wujud sebelum kontrak jual beli dimeterai antara Bank dan Pelanggan.

Sebarang pertikaian berhubung dengan kualiti Komoditi hendaklah diselesaikan mengikut prosedur penyedia perkhidmatan dagangan komoditi yang dilantik oleh Bank.

- (j) Kontrak jual beli antara Bank dan Pelanggan akan dibubarkan apabila:
 - (i) Pelanggan melaksanakan hak opsyen kecacatan sebagaimana yang dinyatakan dalam sub klausa (h) di atas untuk membatalkan kontrak jual beli;
 - (ii) sama ada Bank atau Pelanggan melaksanakan pilihan untuk menamatkan kontrak jual beli yang telah dipersetujui secara bersama dalam tempoh masa yang telah dipersetujui;
 - (iii) sama ada Bank atau Pelanggan melaksanakan pilihan untuk menamatkan kontrak jual beli disebabkan oleh pelanggaran terma dan syarat bagi Kemudahan; atau
 - (iv) kedua-dua pihak yang berkontrak bersetuju secara bersama untuk menamatkan kontrak jual beli. Setelah kontrak jual beli dibubarkan, aset hendaklah dipulangkan kepada Bank sekiranya aset tersebut belum dijual kepada pihak ketiga dan harga yang telah dibayar hendaklah dipulangkan kepada Pelanggan. Pembubaran kontrak jual beli hanya akan berkuat kuasa sekiranya aset boleh dipulangkan kepada Bank. Jika tidak, Bank berhak menuntut nilai aset tersebut dan Pelanggan hendaklah membayar nilai tersebut kepada Bank.
- (k) Perubahan harga komoditi adalah tertakluk kepada perubahan pasaran dan Amaun Pembiayaan tidak akan terjejas. Bank akan membeli dan menjual logam London Metal Exchange melalui Eiger Trading Advisors Ltd., minyak sawit mentah melalui Bursa Suq Al-Sila' atau mana-mana komoditi patuh Syariah lain melalui mana-mana penyedia perkhidmatan dagangan komoditi yang dilantik oleh Bank.
- (l) Bank tidak akan dipertanggungjawabkan melainkan dalam hal berlaku ta'addi (salah laku), taqsis (kelalaian) atau mukhalafah al-shurut (pelanggaran syarat-syarat yang ditetapkan) berhubung dengan mana-mana pelantikan seperti yang dinyatakan di atas, dan dalam keadaan sedemikian, Bank hendaklah bertanggungjawab serta membayar pampasan bagi sebarang kerugian atau kerosakan termasuk apa-apa kos sebenar yang ditanggung oleh Pelanggan.

3. Pengeluaran Sijil Perdagangan (hanya terpakai untuk CashVantage Pembiayaan-i)

Urus niaga perdagangan akan disokong oleh sijil-sijil yang menunjukkan pemilikan aset yang diniagakan serta butiran aset tersebut seperti lokasi, kualiti dan kuantiti.

4. Pembayaran Kemudahan hendaklah dibuat oleh Pelanggan mengikut bilangan dan amaun ansuran bulanan seperti yang dinyatakan dalam “Notis Pengeluaran” (yang ditakrifkan sebagai notis kepada Pelanggan mengenai butiran pengeluaran). Ansuran bulanan tersebut perlu dibayar pada hari kelima setiap bulan atau pada tarikh lain yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Bank. Tarikh ansuran pertama yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

- (a) Sekiranya pengeluaran dibuat antara hari pertama hingga hari kelima bulan tersebut, ansuran pertama perlu dibayar pada hari kelima dalam bulan yang berikutnya; atau
- (b) Sekiranya pengeluaran dibuat antara hari keenam hingga hari terakhir bulan tersebut, ansuran pertama perlu dibayar pada hari kelima dalam bulan tersebut selepas bulan yang berikutnya.

Notis Pengeluaran hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Borang Permohonan Pinjaman Peribadi CashFirst / CashVantage Pembiayaan-i Alliance (“Borang Permohonan”). Sekiranya terdapat sebarang ketakselarasan, Notis Pengeluaran akan mengatasi ketakselarasan tersebut. Kadar Faedah/Keuntungan ke atas Kemudahan akan dikira berdasarkan kadar rata mengikut Kaedah 78 seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan dan Lembaran Pendedahan Produk.

5. Sekiranya nombor akaun yang diberikan dalam Borang Permohonan bagi akaun bersama dan/atau nombor akaun tersebut tidak tepat, tanpa mengira sama ada Kemudahan telah dikeluarkan dan/atau digunakan oleh pemegang akaun bersama tersebut; pelanggan hendaklah terus bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuat bayaran yang berikut:

- a) Ansuran bulanan Pinjaman Peribadi/Pembiayaan
- b) sebarang pembayaran tertunggak bersama dengan faedah/keuntungan yang terkumpul
- c) sebarang caj pampasan lain serta yuran dan caj lain yang dikenakan oleh Bank seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat

Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya Kemudahan tidak didepositkan ke dalam akaun atau Kemudahan dibayar ke dalam akaun yang salah disebabkan oleh sebarang kecuaiian, keciciran, penipuan atau pemberian maklumat yang tidak tepat, salah atau mengelirukan dalam Borang Permohonan.

6. Kemudahan ditawarkan kepada Pelanggan berdasarkan penilaian kemampuan pembayaran hasil semakan kredit yang dilakukan ke atas Pelanggan serta maklumat yang diberikan oleh Pelanggan semasa permohonan pinjaman/pembiayaan. Sekiranya terdapat kemerosotan dalam Nisbah Khidmat Hutang (Debt Service Ratio, DSR) pada bila-bila masa, atau rekod kredit yang diperolehi oleh Bank selepas itu menunjukkan kemerosotan DSR Pelanggan, Bank berhak untuk menyemak semula Kemudahan, termasuk menggantung pengeluaran Kemudahan serta mengubah terma-terma Kemudahan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengurangan amaun pinjaman/pembiayaan. Bank juga berhak untuk membatalkan atau menarik balik Kemudahan atas sebab-sebab yang dinyatakan dan setelah pemberitahuan diberikan kepada Pelanggan. Dengan sebarang pindaan, pembatalan atau penamatan Kemudahan, Pelanggan tetap akan menanggung semua kos yang berkaitan dengan Kemudahan seperti duti setem atau caj bayaran lewat.

*CashVantage Pembiayaan-i tidak terpakai untuk permohonan melalui platform digital Touch ‘n Go.

7. Penalti / Pampasan untuk Ketidakbayaran / Bayaran Lewat

Bagi Pinjaman Peribadi CashFirst

Sekiranya Pelanggan gagal membayar ansuran pada tarikh yang ditetapkan, Pelanggan hendaklah membayar penalti sebanyak 1% setahun ke atas amaun ansuran tertunggak, dikira mulai tarikh ansuran tersebut sepatutnya dibayar sehingga tarikh penyelesaian penuh, atau pada kadar lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dari semasa ke semasa. Sekiranya berlaku ketidakbayaran (sama ada amaun prinsipal dan/atau yuran pengurusan) selepas tamat tempoh pembiayaan atau penamatan Kemudahan oleh Bank, Bank berhak untuk mengenakan kadar semasa yang ditetapkan oleh BNM dari semasa ke semasa ke atas amaun tertunggak, dikira mulai tarikh bayaran sepatutnya dibuat sehingga tarikh penyelesaian penuh. Walau bagaimanapun, amaun penalty tidak akan dikompaun.

Bagi CashVantage Pembiayaan-i

Sekiranya berlaku keingkaran/ketidakbayaran semasa tempoh Kemudahan dan sehingga tarikh matang Kemudahan, Pelanggan hendaklah membayar caj bayaran lewat sebagai pampasan (ta'widh) berdasarkan kos sebenar Bank, tertakluk kepada kadar pampasan tidak melebihi 1% setahun atau kadar maksimum lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, dikira ke atas amaun tertunggak mulai dari tarikh sepatutnya dibayar sehingga tarikh penyelesaian.

Sekiranya berlaku keingkaran yang menyebabkan keseluruhan Kemudahan dituntut semula atau dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan penghakiman sebelum tarikh matang Kemudahan, Pelanggan hendaklah membayar caj bayaran lewat sebagai pampasan (ta'widh) berdasarkan kos sebenar Bank, tertakluk kepada kadar pampasan tidak melebihi 1% setahun atau kadar maksimum lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, dikira ke atas baki tertunggak (iaitu prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru) mulai dari tarikh sepatutnya dibayar sehingga tarikh penyelesaian atau penghakiman (mana-mana yang terdahulu).

Sekiranya berlaku keingkaran/ketidakbayaran selepas tarikh matang Kemudahan, Bank akan mengenakan caj bayaran lewat sebagai pampasan (ta'widh) berdasarkan kos sebenar Bank, tertakluk kepada kadar pampasan tidak melebihi kadar harian semalaman semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (Islamic Interbank Money Market, IIMM) seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, yang dikira ke atas baki tertunggak (termasuk prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru).

Sekiranya berlaku keingkaran yang menyebabkan Kemudahan dituntut semula dan dibawa ke mahkamah untuk penghakiman, Pelanggan hendaklah membayar pampasan (ta'widh) berdasarkan kos sebenar Bank yang tidak melebihi kadar harian semalaman semasa IIMM seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, ke atas baki tertunggak (tidak termasuk caj bayaran lewat tertunggak yang belum dikutip dan kos lain sebelum penghakiman) bermula dari tarikh penghakiman sehingga jumlah penghakiman dibayar sepenuhnya.

Walaupun bagaimanapun, amaun pampasan tidak akan dikompaun.

8. Bagi Pinjaman Peribadi CashFirst, Bank berhak untuk meminda kadar faedah yang dinyatakan dan/atau ditetapkan oleh Bank berkenaan dengan Kemudahan ("Kadar yang Ditetapkan"), amaun ansuran bulanan dan/atau tempoh pembayaran pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut dasar Bank sekiranya akaun Pelanggan tertunggak selama dua (2) bulan atau enam puluh (60) hari, mana-mana yang lebih awal, dengan memberikan notis selama dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan. Hak Bank untuk meminda Kadar Faedah yang Ditetapkan, amaun ansuran bulanan dan/atau tempoh pembayaran balik tidak menjejaskan hak Bank untuk menamatkan Kemudahan tersebut dengan notis terlebih dahulu pada bila-bila masa sekiranya berlaku keingkaran.

9. Bank berhak meminda Terma dan Syarat, yuran dan caj yang terpakai ke atas Kemudahan dengan

memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pindaan tersebut berkuat kuasa. Notis tentang pindaan tersebut boleh disampaikan kepada Pelanggan melalui:

- f) SMS; dan/atau
- g) emel; dan/atau
- h) pengumuman di laman web Bank; dan/atau
- i) penyertaan dalam penyata akaun; dan/atau
- j) melalui mana-mana cara pemberitahuan lain yang dipilih oleh Bank mengikut dasar Bank.

Pelanggan diingatkan untuk mengakses laman web Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat Kemudahan serta memastikan bahawa mereka terkemas kini sebarang perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat tersebut. Bank tidak akan menggunakan sebarang hak untuk meminda terma Kemudahan secara sewenang-wenangnya atau tidak munasabah. Sebarang pindaan hanya akan dibuat atas sebab-sebab yang munasabah mengenai komersial, peraturan atau risiko, dan akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu.

10. Pihak Bank berhak mengurangkan amaun Kemudahan berdasarkan penilaian permohonan mengikut dasar Bank, dengan memberikan alasan dan notis terlebih dahulu kepada pelanggan. Sebarang pengurangan terhadap amaun Kemudahan akan dianggap muktamad dan akan dikreditkan ke dalam nombor akaun pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan. Amaun Kemudahan yang diluluskan, kadar faedah/keuntungan atau tempoh seperti dalam Borang Pengesahan Terma tidak akan menjejaskan intipati dan kesahihan Terma ini, dan tandatangan Pelanggan pada Pengesahan Terma akan berfungsi sebagai pengesahan persetujuan mereka untuk mendapatkan pinjaman/pembiayaan bagi amaun Kemudahan seperti yang diluluskan oleh Bank.
11. Sekiranya berlaku bayaran prabayar sebahagian, amaun ansuran bulanan yang perlu dibayar tidak akan diselaraskan. Sebarang amaun prabayar akan dikreditkan ke dalam akaun Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Pelanggan secara automatik sebagai bayaran pendahuluan untuk ansuran bulanan bagi bulan yang berikutnya. Sekiranya bayaran pendahuluan tersebut tidak mencukupi untuk menampung amaun ansuran bulanan, Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar kekurangan baki tertunggak yang masih ada.
12. Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun Pelanggan terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun pinjaman/pembiayaan, dan Pelanggan akan dimaklumkan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu. Pada masa yang sama, Bank juga berhak untuk menandakan dana tersedia dalam akaun Pelanggan terhadap baki tertunggak dalam akaun pinjaman/pembiayaan selepas notis dikeluarkan kepada Pelanggan.
13. Pihak Bank berhak menyemak semula Kemudahan pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, sama ada berlaku keingkaran atau tidak. Bank juga berhak untuk meminda mana-mana terma dan/atau mengenakan sebarang syarat sekiranya berlaku kemerosotan kredit atau sebarang perubahan dalam kehendak perundangan, dengan memberikan notis awal selama dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pelanggan. Pindaan tersebut akan berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam notis Bank dan keputusan Bank mengenai pindaan tersebut adalah muktamad dan konklusif.
14. Keseluruhan amaun Kemudahan, sebarang baki tertunggak yang belum dibayar atau sebarang jumlah lain yang terutang hendaklah dibayar dengan serta-merta apabila dituntut sekiranya berlaku sebarang keingkaran seperti berikut:
 - a) keingkaran untuk membayar sebarang jumlah wang yang perlu dibayar atau sebarang jumlah lain yang terutang di bawah Akad jualan Komoditi (terpakai untuk CashVantage Pembiayaan-i Alliance) atau sekiranya akaun Pelanggan dikendalikan secara tidak memuaskan mengikut dasar Bank; atau
 - b) kegagalan untuk mematuhi atau melaksanakan mana-mana perjanjian, ikrar, ketetapan, terma dan syarat yang perlu dipatuhi atau dilaksanakan oleh pihaknya; atau
 - c) meninggal dunia atau hilang kewarasan; atau

- d) tidak berupaya membayar hutangnya atau menggantung pembayaran hutangnya atau memasuki sebarang pengaturan atau penyusunan semula dengan pemiutangnya atau melakukan perbuatan kebangkrupan; atau
 - e) mempunyai hutang lain yang perlu dibayar kepada Bank atau mana-mana pihak ketiga sebelum tempoh matang akibat keingkarannya atau atas sebab lain, atau cagaran menjadi boleh dikuatkuasakan termasuk kegagalannya untuk membayar hutang tersebut dalam tempoh yang ditetapkan; atau
 - f) tindakan penyitaan atau pelaksanaan dikenakan atau dikuatkuasakan ke atas mana-mana harta milik Pelanggan; atau
 - g) atas apa-apa sebab sekalipun, sebarang jaminan atau cagaran yang diberikan kepada Bank bagi bayaran Kemudahan ditamatkan atau luput, atau sekiranya penjamin dan/atau pemberi cagaran ingkar terhadap mana-mana terma dalam dokumen jaminan dan/atau cagaran, atau meninggalkan dunia, hilang kewarasan, dibubarkan atau melakukan sebarang tindakan kebangkrupan; atau
 - h) menamatkan atau mengancam untuk menamatkan perniagaannya atau memindahkan atau melupuskan atau berniat untuk memindahkan atau melupuskan sebahagian besar asetnya atau mengubah sifat atau skop perniagaannya seperti yang sedang dijalankan pada masa ini; atau
 - i) terdapat petisyen kebangkrupan yang dikemukakan terhadapnya atau seorang pemegang amanah, atau pegawai yang setaraf dilantik ke atas semua atau sebahagian besar asetnya atau sekiranya pelaksanaan atau sebarang tindakan dikenakan atau diambil terhadap asetnya; atau
 - j) pada pendapat Bank, mengalami perubahan atau ancaman perubahan dalam keadaan yang boleh memberi kesan negatif kepada perniagaan atau keadaan kewangannya atau keupayaannya untuk melaksanakan kewajiban di bawah Kemudahan, atau mana-mana perjanjian lain dengan Bank; atau
 - k) membuat atau telah membuat pernyataan dan jaminan kepada Bank dan/atau menyediakan atau telah menyediakan maklumat yang tidak benar, tidak tepat dan/atau mengelirukan secara material kepada Bank; atau
 - l) undang-undang atau peraturan yang berkuat kuasa atau dalam tafsiran atau pelaksanaannya menjadi tidak sah bagi Bank untuk mematuhi kewajibannya bagi meneruskan penyediaan Kemudahan; atau
 - m) mana-mana akaun semasanya telah ditutup oleh mana-mana bank mengikut peraturan yang berkuat kuasa berkaitan dengan cek yang tidak ditunaikan dan/atau dasar bank tersebut yang menguruskan akaun semasa berkenaan, walaupun akaun semasanya dengan Bank, sama ada dimiliki secara tunggal atau bersama, telah dikendalikan dengan memuaskan; atau
 - n) berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan yang terkandung dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau mana-mana undang-undang, keperluan peraturan, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan atau yang mungkin akan dikeluarkan atau dipinda oleh Bank Negara Malaysia berkaitan dengan pemberian Kemudahan tersebut secara amnya atau kepada individu yang berkaitan dengan Bank
15. Duti setem sebanyak RM5 bagi setiap RM1,000 amaun pembiayaan akan ditolak daripada amaun pinjaman/pembiayaan yang diluluskan sebelum baki tersebut dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan atau Akaun Semasa Pelanggan yang dipegang bersama Bank atau institusi kewangan lain seperti yang dinyatakan oleh Pelanggan dalam Borang Permohonan.
- *Tiada duti setem dikenakan ke atas permohonan mikro-pembiayaan/pinjaman.
16. Semua yuran peguamcara (berdasarkan prinsip peguam dan pelanggan) yang ditanggung oleh Bank berkaitan atau berhubung dengan atau secara sampingan dengan penyediaan Kemudahan dan/atau penguatkuasaan hak Bank di bawah Kemudahan hendaklah dibayar oleh Pelanggan dan boleh, mengikut budi bicara Bank, didebitkan tanpa notis terlebih dahulu ke akaun yang dinyatakan oleh Pelanggan atau akaun lain dengan Bank.
17. Pelanggan dinasihatkan untuk memahami Terma apabila memohon Kemudahan.
18. Bank akan menggunakan sebarang bayaran yang diterima terlebih dahulu untuk ansuran dan seterusnya untuk wang tertunggak lain, dengan budi bicara untuk mengubah keutamaan mengikut

dasar Bank. Sekiranya sebarang jumlah yang diterima atau diperoleh berkaitan dengan liabiliti Pelanggan di bawah perjanjian atau sebahagiannya adalah kurang daripada amaun yang perlu dibayar, Bank akan menggunakan amaun tersebut dalam perkadaran dan susunan keutamaan serta cara yang ditentukan oleh Bank.

19. Bank berhak (tetapi tidak diwajibkan) pada bila-bila masa dengan notis tujuh (7) hari untuk menggabungkan, menyatukan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun dan liabiliti Pelanggan yang sedia ada dengan Bank, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, sama ada secara individu atau dipegang secara bersama dengan orang lain; dan untuk memindahkan dan/atau menolak sebarang wang kredit dalam satu atau lebih akaun tersebut bagi memenuhi sebarang wang yang terhutang atau kewajiban atau liabiliti Pelanggan kepada Bank, mengikut dasar Bank, sama ada sebagai prinsipal atau penjamin, sama ada pada masa ini atau masa hadapan, nyata atau bersyarat, utama atau sekunder, secara individu atau dipegang secara bersama dengan orang lain, serta untuk menjalankan pertukaran mata wang yang perlu mengikut kadar pertukaran Bank yang berkuat kuasa pada masa itu.
20. Bank berhak untuk menuntut bayaran dengan serta-merta atas amaun yang berkenaan dengan memberikan notis awal selama dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu, sekiranya Bank dengan niat baik menentukan bahawa, disebabkan oleh sebarang pindaan dalam undang-undang atau peraturan, kos untuk menyediakan, mengekalkan atau membiayai Kemudahan telah berkurangan secara material.

21. Penyelesaian Awal bagi Kemudahan

Pinjaman Peribadi CashFirst: Bank hendaklah memulangkan bahagian faedah yang belum diperoleh secara prorata harian, tertakluk kepada dasar Bank dan garis panduan kawal selia yang berkenaan.

CashVantage Pembiayaan-i: Bank hendaklah memberikan Ibra' (rebat) ke atas bahagian keuntungan yang belum diperoleh, selaras dengan prinsip Syariah dan Garis Panduan BNM mengenai Ibra' (Rebat) bagi Pembiayaan Berasaskan Jualan.

22. Rebate (ibra') – bagi CashVantage Pembiayaan-i

Bank hendaklah memberikan rebate (ibra') pada tarikh penyelesaian berdasarkan formula yang dinyatakan di bawah sekiranya berlaku sebarang situasi berikut:

- (i) Penebusan/Penyelesaian Awal, di mana Pelanggan telah memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Bank;

Amaun Penyelesaian = Baki Prinsipal Terhutang + keuntungan yang perlu dibayar – rebate (ibra') + caj lain

Di mana:

Rebate (ibra') = Keuntungan tertangguh – caj penyelesaian awal

- (ii) Penyelesaian yang disebabkan oleh penstrukturan semula Kemudahan;

Amaun Penyelesaian = Baki Prinsipal Terhutang + keuntungan yang perlu dibayar – rebate (ibra') + caj bayaran lewat + caj lain

Di mana:

Rebate (ibra') = Keuntungan tertangguh – caj penyelesaian awal (jika ada)

Penyelesaian oleh Pelanggan apabila Kemudahan berada dalam kes keingkaran; dan

Amaun Penyelesaian = Baki Prinsipal Terhutang + keuntungan yang perlu dibayar – rebat (ibra') + caj bayaran lewat + caj lain

Di mana:

Rebat (ibra') = Keuntungan tertangguh – caj penyelesaian awal (jika ada)

- (iii) Penyelesaian oleh Pelanggan sekiranya pembiayaan ditamatkan atau dibatalkan sebelum tarikh matang.

Amaun Penyelesaian = Baki Prinsipal Terhutang + keuntungan yang perlu dibayar – rebat (ibra') + caj bayaran lewat + caj lain

Di mana:

Rebat (ibra') = Keuntungan tertangguh – caj penyelesaian awal (jika ada)

Nota: Caj lain merujuk kepada yuran guaman, duti setem dan/atau sumbangan takaful.

23. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam dokumen ini, yuran kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan akan datang (jika ada) yang mungkin dikenakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa. Selepas tarikh kuat kuasa cukai sedemikian, Bank berhak untuk menuntut bayaran tersebut daripada Pelanggan, tertakluk kepada caj semasa yang diterbitkan dalam jadual yuran rasmi Bank, Lembaran Pendedahan Produk (LDP) atau seperti yang dimaklumkan oleh Bank dengan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar selaras dengan keperluan peraturan.
24. Pelanggan memberikan kebenaran nyata dan tidak boleh ditarik balik kepada Bank melalui pengisytiharan dalam Borang Permohonan ("Pengisytiharan") untuk mendedahkan maklumat mengenai Kemudahan, akaunnya dan kemudahan lain yang dipegang pada masa ini atau yang mungkin dibuka atau diperoleh dengan Bank dari semasa ke semasa ("Maklumat") sejauh mana yang dianggap perlu oleh Bank untuk:
 - a) mana-mana pihak yang dianggap perlu oleh Bank berkaitan dengan penyediaan Kemudahan dan perkhidmatan lain, atau prosedur operasi Bank (termasuk fungsi perakaunan, pengurusan hubungan pelanggan atau pengurusan risiko Bank), termasuk semua syarikat dan anak syarikat di bawah Alliance Bank Malaysia Berhad serta mana-mana penyedia perkhidmatan (termasuk agensi kutipan hutang);
 - b) mana-mana biro atau agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (termasuk Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat – "CCRIS") atau oleh pihak berkuasa kawal selia lain termasuk Persatuan Bank-Bank di Malaysia; / Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM), AIBIM hanya terpakai untuk CashVantage Pembiayaan-i.
 - c) pemegang serah hak Bank yang berpotensi. Maklumat tersebut boleh digunakan, disimpan, dipindahkan, dikumpul, dipadankan, diperoleh dan/atau dipertukarkan oleh atau dengan pihak-pihak yang tersebut di atas ("Pegguna") dan hendaklah dirahsiakan oleh Pengguna, kecuali jika pendedahan dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan yang terpakai kepada mereka.
25. Pelanggan bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank serta pegawai dan kakitangan Bank untuk mendedahkan dan memberikan semua maklumat berkenaan butiran dan urusan Pelanggan (kewangan atau sebaliknya), maklumat akaun, hubungan dengan Bank, terma-terma perjanjian dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada kategori orang berikut, mengikut dasar Bank sebagaimana yang dianggap perlu oleh Bank:

- a) syarikat berkaitan dengan Bank atau mana-mana syarikat bersekutu Bank (Bank bersama syarikat berkaitan/bersekutu yang tersebut di atas secara kolektif dirujuk sebagai “Kumpulan Alliance Bank”) serta pemegang serah hak dan pengganti hak milik mereka. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Kumpulan Alliance Bank adalah bagi memudahkan operasi dan perniagaan Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank;
- b) mana-mana pihak bagi atau berhubung dengan sebarang tindakan atau prosiding yang diambil untuk mendapatkan semula wang yang perlu dan patut dibayar oleh Pelanggan kepada Bank;
- c) badan kawal selia, agensi kerajaan, pihak berkuasa percukaian, polis, agensi penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada pendedahan selaras dengan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (Foreign Account Tax Compliance Act, FATCA) dan *Common Reporting Standards* (CRS);
- d) Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (jika berkenaan) dan mana-mana pihak berkuasa lain yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat sedemikian, atau mana-mana pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM) / Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM), AIBIM hanya terpakai untuk CashVantage Pembiayaan-i;
- e) Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, biro kredit, agensi pelaporan kredit yang ditadbir di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;
- f) akauntan, juruaudit, peguam, penasihat, perunding dan/atau ejen yang diberi kuasa oleh Bank sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk pelaksanaan fungsi, tugas dan kewajipan mereka kepada Bank dan Kumpulan Alliance Bank;
- g) penyedia perkhidmatan, wakil, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank serta syarikat berkaitan atau bersekutunya untuk melaksanakan fungsi dan aktiviti Bank;
- h) pihak luar yang mungkin diperlukan untuk sebarang aktiviti korporat atau uji tuntas yang dijalankan oleh Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank;
- i) mana-mana pihak yang pada masa hadapan mungkin menyatakan hasrat untuk memperoleh kepentingan / pegangan saham dalam Bank / menurut apa-apa perjanjian, komposisi, penggabungan, pengambilalihan / penyusunan semula yang dicadangkan antara Bank dan pihak tersebut; serta pihak pemberi jaminan / penjamin atau mana-mana pihak yang menyediakan jaminan berkaitan dengan Kemudahan; dan
- j) mana-mana individu atau entiti lain dengan kebenaran terlebih dahulu daripada Pelanggan.

Pelanggan mengizinkan pendedahan sedemikian dan mengesahkan bahawa Bank, Kumpulan Alliance Bank, pegawai dan pekerja Bank tidak akan bertanggungjawab atas pemberian maklumat tersebut atau akibat daripada sebarang kebergantungan yang mungkin diberikan terhadap maklumat yang diberikan mengikut terma-terma yang terkandung di sini. Pendedahan tersebut akan dijalankan selaras dengan Dokumen Polisi BNM mengenai Pengurusan Maklumat Pelanggan dan Pendedahan yang Dibenarkan (MCIPD).

- 26. Pelanggan mengizinkan dan memberi kebenaran kepada Bank melalui Pengisytiharan tersebut untuk mengesahkan dengan mana-mana pihak termasuk tetapi tidak terhad kepada Unit Kredit Pusat Bank Negara, CCRIS, mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh ABM/ABIM sebarang maklumat yang berkaitan atau berhubung dengan Pelanggan sama ada kewangan atau sebaliknya, akaun Pelanggan dan/atau pengurusanannya bagi tujuan permohonan ini tanpa sebarang notis kepada Pelanggan.
- 27. Pelanggan mengisytiharkan dan bersetuju melalui Pengisytiharan tersebut bahawa sebarang data/maklumat (termasuk data peribadi) yang berkaitan dengan permohonan Pelanggan serta maklumat mengenai urusan Pelanggan dalam permohonan ini boleh disimpan, digunakan dan didedahkan oleh Bank untuk tujuan pemprosesan permohonan ini selaras dengan Dokumen Polisi BNM mengenai Pengurusan Maklumat Pelanggan dan Pendedahan yang Dibenarkan (MCIPD).
- 28. Kelewatan atau kegagalan Bank dalam melaksanakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang menjadi hak Bank sama ada di sisi undang-undang atau keadilan berikutan keingkaran Pelanggan tidak akan menjejaskan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tersebut, serta tidak boleh

ditafsirkan sebagai pengecualian hak atau persetujuan terhadap keingkaran tersebut. Tiada tindakan oleh Bank mengenai keingkaran tersebut atau persetujuan terhadap keingkaran tersebut akan menjejaskan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi Bank mengenai keingkaran terdahulu atau kemudian.

29. Mana-mana peruntukan dalam Terma yang diharamkan atau tidak boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang (sama ada Syariah atau sebaliknya) tidak akan berkuat kuasa hanya setakat larangan atau ketidakbolehuasaan tersebut tanpa membatalkan atau menjejaskan baki Terma atau kesahihan atau keberkesanan mana-mana baki Terma yang lain. Bank boleh menamatkan CashVantage Pembiayaan-i sekiranya pembiayaan yang diberikan digunakan untuk aktiviti ketidakpatuhan Syariah seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah Bank mengikut undang-undang/peraturan Syariah dengan notis yang munasabah.
30. Sekiranya Pelanggan menarik balik Permohonan ini pada bila-bila masa selepas penyerahan (tetapi sebelum kelulusan atau penolakan), Pelanggan hendaklah bertanggungjawab ke atas semua kos guaman, perbelanjaan dan sebarang caj lain yang ditanggung.
31. Penyampaian Notis:
 - 31.1 Sebarang notis, tuntutan, penyata atau komunikasi lain (termasuk notis/penyata yang dijana komputer tanpa memerlukan tandatangan) ("Notis") daripada Bank kepada Pelanggan boleh dihantar secara serahan tangan, melalui pos berdaftar, kurier, faks, mel elektronik atau kaedah digital lain ke alamat terakhir, nombor telefon kontak atau alamat e-mel Pelanggan yang dikekalkan dalam rekod Bank.
 - 31.2 Notis akan dianggap telah disampaikan dengan sempurna:
 - a) sekiranya diserahkan secara serahan tangan, pada masa penyerahan;
 - b) sekiranya dihantar melalui pos berdaftar atau kurier, tiga (3) hari bekerja selepas tarikh pengeposan;
 - c) sekiranya dihantar melalui faks, mel elektronik atau kaedah digital lain, pada masa penghantaran, dengan syarat tiada pemberitahuan tentang kegagalan penghantaran diterima.
 - 31.3 Penyampaian sebarang proses undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada writ, saman, sepina atau dokumen mahkamah lain, akan dianggap telah disampaikan dengan sah sekiranya dihantar selaras dengan Klausula 31.1 dan 31.2, dan penyampaian sedemikian akan dianggap sebagai penyampaian yang sewajarnya bagi semua tujuan undang-undang dan prosedur.
 - 31.4 Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis atau melalui panggilan telefon dengan segera mengenai sebarang perubahan pada maklumat perhubungan. Semua komunikasi yang dihantar ke maklumat perhubungan terakhir sebagaimana yang dikekalkan dalam rekod Bank akan dianggap sah dan mengikat, sehingga notis sedemikian diterima dan disahkan oleh Bank.
32. Pelanggan bersetuju bahawa sebarang pengakuan atau pengesahan bertulis olehnya atau oleh mana-mana pihak yang diberi kuasa bagi pihaknya atau suatu penghakiman (secara lalai atau sebaliknya yang diperoleh terhadapnya) atau sijil yang menunjukkan jumlah tertunggak di bawah Kemudahan yang disahkan oleh pegawai Bank hendaklah menjadi bukti yang mengikat dan muktamad terhadapnya untuk apa jua tujuan termasuk sebagai bukti muktamad jumlah tertunggak di bawah Kemudahan di mahkamah.
33. Pelanggan mengisytiharkan bahawa beliau tidak akan menggunakan Kemudahan untuk sebarang tujuan tidak bermoral atau tidak wajar atau bagi tujuan pelaburan wang haram atau untuk membantu dalam mana-mana perkara tersebut di atas. Pelanggan mengakui bahawa Bank mungkin diwajibkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan

serta Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dan/atau undang-undang serta peraturan lain untuk melaporkan transaksi tertentu kepada BNM dan/atau pihak berkuasa berkaitan dan bahawa Bank, pegawai dan pekerja Bank tidak akan bertanggungjawab atas tindakan membuat laporan tersebut.

34. Kemudahan yang diberikan tertakluk kepada Undang-undang Malaysia. Tempoh masa yang ditetapkan bagi pelaksanaan terma tersebut dan kewajiban Pelanggan adalah penting. Bank berhak untuk memindah milik mana-mana hak dan liability Bank di bawah Kemudahan.
35. Tertakluk kepada pengesahan yang sewajarnya, Bank boleh bergantung dan bertindak berdasarkan sebarang arahan lisan atau bertulis yang diterima daripada Pelanggan melalui mana-mana kaedah yang diterima oleh Bank mengikut dasar Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada, melalui telefon, dalam talian atau faksimili. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin timbul akibat tindakan Bank berdasarkan atau memenuhi arahan atau permintaan Pelanggan tersebut.
36. Bank telah memperkenalkan dan mengekalkan dasar serta prosedur yang direka untuk mencegah rasuah dan sogokan oleh Bank, para pengarah, pegawai atau pekerja Bank; dan setakat pengetahuan terbaik Bank, tiada pihak Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank yang telah terlibat dalam sebarang aktiviti atau tingkah laku yang melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan anti-rasuah atau anti-sogokan yang terpakai kepada Bank. Bank tidak pernah, dan berikrar bahawa Bank tidak akan, berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti perniagaan Bank, berjanji, memberi kebenaran, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat atau mengambil sebarang tindakan bagi melanjutkan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, bayaran balik atau pemindahan lain yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
37. Dengan memohon produk/perkhidmatan ini, Pelanggan dengan ini mengakui bahawa Pelanggan telah dimaklumkan mengenai ringkasan polisi anti-rasuah dan anti-sogokan Bank yang boleh didapati di laman web <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berikrar/berjanji bahawa Pelanggan tidak akan terlibat dalam sebarang amalan rasuah dalam apa jua bentuk sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank.

Titik Perhubungan untuk Pertanyaan dan Aduan

- Sekiranya anda ingin membuat pertanyaan atau mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:
Alliance Bank Malaysia Berhad, Customer Care Unit,
Level 22 Menara Alliance Bank, No. 159 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2600 1800; Email: info@alliancefg.com
- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi BNMLINK di:
4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465; Fax: 03-2174 1515; Laman web: bnm.gov.my/BNMLINK
- Anda juga boleh menghubungi Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) di:
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811; Faks: 03-2272 1577; Laman web: www.fmos.org.my

LAMPIRAN 1

Perlantikan Agensi

(hanya terpakai untuk CashVantage Pembiayaan-i)

- 1) Demi memudahkan pembiayaan Kemudahan, saya dengan ini melantik Bank sebagai ejen saya secara tidak boleh ditarik balik dan tanpa syarat untuk (a) membeli Komoditi daripada Bank dengan menerima dan melaksanakan transaksi jual beli bagi pihak saya; (b) menjual Komoditi kepada mana-mana Pembeli Komoditi pihak ketiga bagi pihak saya.
- 2) Saya bersetuju bahawa Bank sebagai agen saya hendaklah sentiasa (a) diberi kuasa untuk menandatangani dan melaksanakan semua dokumen serta melakukan semua tindakan dan memenuhi semua kewajiban yang diperlukan berhubung dengan pelantikan sebagai ejen saya, atau yang dikenakan di bawah mana-mana transaksi jualan kepada pembeli pihak ketiga bagi Komoditi; (b) bertanggungjawab melaksanakan semua tugas pentadbiran berkaitan pemilikan dan penjualan Komoditi; (c) membenarkan saya memperoleh pemilikan Komoditi sekiranya diminta oleh saya (dengan syarat Bank belum menjual Komoditi kepada mana-mana pihak ketiga); (d) menerima Hasil Jualan bagi pihak saya daripada pembeli pihak ketiga bagi Komoditi, memegang Hasil Jualan tersebut sebagai amanah untuk saya dan memindahkan Hasil Jualan atau sebahagian daripadanya kepada saya ke dalam akaun saya dengan Bank atau mengikut cara yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak.
- 3) Pelantikan Bank adalah tertakluk kepada saya yang membeli Komoditi daripada Bank. Sekiranya gagal berbuat demikian, Bank dianggap tidak bertindak sebagai ejen saya bagi transaksi jualan tersebut.
- 4) Tanpa mengira sebarang penjualan Komoditi oleh saya atau oleh Bank sebagai ejen saya dan/atau sebarang ketidakserahan dan/atau pertikaian dalam apa jua bentuk berhubung dengan Komoditi yang mungkin saya hadapi dengan pembeli pihak ketiga yang kepadanya Bank menjual Komoditi sebagai ejen bagi pihak saya selepas saya memeterai transaksi jual beli dengan Bank tetapi sebelum penyelesaian penuh Harga Jualan Komoditi dan Hutang yang terhasil daripada transaksi jual beli tersebut, perkara ini tidak akan menjejaskan atau melepaskan daripada kewajiban saya seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.
- 5) Saya tidak menganggap pelantikan Bank sebagai suatu perkongsian atau usaha sama; pelantikan tersebut juga tidak mewujudkan sebarang hubungan prinsipal dan ejen atau sebarang hubungan lain antara kami dan pelantikan tersebut akan tamat apabila Kemudahan luput.
- 6) Saya berjanji untuk menanggung sebarang kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank akibat daripada pelaksanaan fungsi agensi Bank seperti yang dinyatakan di atas.
- 7) Pelantikan agensi ini akan terus berkuat kuasa selagi Bank meneruskan pemberian Kemudahan dan akan tamat apabila saya memohon pembatalan atau penamatan Kemudahan oleh Bank.